



Disoal SPRM 7 jam isu SMS NFCorp

PUTRAJAYA: Ahli perniagaan, Datuk Shamsubahrin Ismail, memberi keterangan hampir tujuh jam kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam berhubung kira-kira 50 khidmat pesanan ringkas (SMS) antara beliau dan Pengarah National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp), Datuk Seri Dr

Mohamad Salleh Ismail.

Beliau dipanggil memberi keterangan selepas membuat laporan di Balai Polis Klang, Disember lalu, bagi menafikan dakwaan pernah cuba memberi rasuah kepada polis berhubung siasatan kes Pusat Fidlot Nasional (NFC).

Shamsubahrin tiba di SPRM

jam 10.30 pagi ditemani empat peguam, termasuk Latheefa Koya, Murnie Hidayah Anuar, Zarina Ismail, untuk memberi keterangan kepada SPRM dan dilihat keluar pejabat suruhanjaya itu kira-kira jam 5.30 petang semalam.

■ LIHAT MUKA 4